

Headline	Jual sendiri bahan binaan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	179,231
Page No	51	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	491 cm ²
Journalist	Mohd Husni Mohd Noor	AdValue	RM 19,268
Frequency	Daily	PR Value	RM 57,804



ANTARA bahan binaan yang dibekalkan SESB kepada kontraktor perumahan di bawah kendalian SPNB.

Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my

Putrajaya

Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) memasarkan bahan binaan secara terus kepada kontraktor yang terbabit dengan projek pembangunan perumahannya di seluruh negara bagi memastikan harga jualan rumah yang dibina kekal rendah dan mampu dimiliki golongan sasaran.

Bahan binaan itu dibekalkan sendiri anak syarikatnya, SPNB Edar Sdn Bhd (SESB), sekali gus memberi jaminan projek perumahan seperti Rumah Mesra Rakyat (RMRIM) dapat dibangunkan secara lebih berkualiti.

Pengerusi SESB, Datuk Dr Mohd Padzil Hashim berkata, langkah proaktif itu dilakukan bagi memastikan masalah kualiti serta projek terbengkalai disebabkan masalah modal dialami kontraktor dapat ditangani dan

Jual sendiri bahan binaan

■ SPNB sedia bekalan kepada kontraktor pastikan harga rumah kekal rendah

dikekang.

Menurutnya, pihaknya bertanggungjawab membekalkan bahan binaan terus kepada kontraktor, malah bahan binaan digunakan mematuhi piawaian ditetapkan, sekali gus mengawal kualiti projek.

"Selain itu, bekalan bahan binaan juga diperolehi daripada sumber boleh dipercayai dan berkualiti. Kami mempunyai tanggungjawab sosial yang besar membatik projek pembinaan RMRIM," katanya.

Katanya, pendekatan itu membantu mengekalkan harga rumah dijual kepada pembeli yang sentiasa ter-

dedah kepada turun naik pasaran hartanah dan harga bahan pembinaan.

Beliau berkata, pihaknya memainkan peranan penting membangunkan rantaian bekalan bahan binaan bersepadu dan bertindak sebagai pembekal bahan binaan khususnya program pembangunan SPNB.

Menurutnya, SESB turut menjalankan program Pembangunan Vendor Bumiputera (BVDP) bagi rantaian pembekalan bahan binaan.

"Menerusi program itu, pengilang, pengeluar dan pembekal bahan binaan Bumiputera mendapat peluang yang lebih luas, berdaya

maju dan mampan dalam pasaran agak lemah buat masa ini.

"Kami turut melaksanakan polisi yang mampu menyediakan pasaran kepada pengilang dan pengeluar ke-



Langkah proaktif pastikan masalah kualiti, projek terbengkalai diatasi"

Dr Mohd Padzil



rana semua kontraktor ber-naung di bawah SPNB di-wajibkan mendapatkan bekalan bahan binaan daripada vendor dilantik SESB," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SPNB, Datuk Ahmad Azizi Ali berkata, langkah memasarkan bahan binaan secara terus membolehkan SPNB memantau dan memastikan kualiti pembinaan oleh kontraktor.

"Ia membolehkan SPNB memantau dan memastikan kualiti pembinaan oleh kontraktor pelbagai kelas bermula dari G1 hingga G7 dilantik mendapat bekalan bahan binaan berkualiti dengan harga kompetitif.

"Malah, SPNB mempunyai lebih 130 rangkaian kedai perkakasan (hardwares) dilantik sebagai ejen bagi kumpulan kontraktor yang dilantik ini mendapatkan bekalan," katanya.